

PERLAKSANAAN *CUSTOMARY TENURE ENACTMENT* (CTE) ZAMAN KOLONIAL DAN KESANNYA KE ATAS PENTADBIRAN TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN (1921–1940)

THE IMPLEMENTATION OF CUSTOMARY TENURE ENACTMENT (CTE) IN COLONIAL TIME AND EFFECTS ON THE ADMINISTRATION OF CUSTOMARY LAND IN NEGERI SEMBILAN (1921–1940)

Azwan Syah Idris^{1*}, Nordin Hussin² and Ishak Yussof³

^{1,2}Pusat Pengajian Sejarah Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

³Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: azwansyahidris@yahoo.com.my

Kajian ini mengupas pelaksanaan Customary Tenure Enactment (CTE) di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih. Penjajahan British ke Negeri Sembilan telah memberi perubahan seiring dengan keadaan ekonomi ketika itu dan antara tumpuan utama mereka ialah hal ehwal pengurusan tanah. Tanah adat merupakan aset penting bagi masyarakat adat yang menjadi kesinambungan kekuatan komuniti mereka. Menyedari hal ini, tahun 1909 menjadi permulaan kepada kewujudan CTE khusus bagi tanah adat yang digubal oleh British berdasarkan undang-undang tanah Adat Perpatih. CTE digubal bagi memastikan tanah adat tidak boleh dipindah milik kepada individu lain terutama bangsa asing. Setiap tanah adat akan ditanda customary land di dalam gerannya bagi menunjukkan tanah itu menjadi hak milik tetap dan tidak boleh dijual. Namun, jika customary land itu dibatalkan, tanah ini bebas ditukar milik. Hal ini menimbulkan persoalan iaitu sejauh manakah undang-undang ini berjaya melindungi tanah adat dan kefahaman masyarakat adat terhadap CTE. Objektif kajian ini bagi meneliti perubahan dan kesan CTE kepada masyarakat adat. Hasil kajian mendapati telah berlaku perubahan dan kesan kepada tanah adat. Memasuki tahun 1930-an hingga awal 1940-an pentadbiran British, perubahan mulai kelihatan kepada pemikiran masyarakat adat dengan terdapatnya kes-kes membatalkan tanda customary land bagi memudahkan urusan menjual tanah adat yang jelas tidak tepat berdasarkan matlamat asal CTE. Kewujudan CTE bagi melindungi tanah adat telah bertukar menjadi satu kemudahan bagi masyarakat adat menjual tanah mereka. Kelemahan yang terdapat dalam CTE tidak mampu melindungi tanah adat dan perubahan ekonomi telah mendatangkan kesan kepada pemikiran masyarakatnya.

Kata kunci: masyarakat Adat Perpatih, tanah adat, kerajaan kolonial British, *Customary Tenure Enactment* (CTE)

This study attempts to unravel the implementation of Customary Tenure Enactment (CTE) in Negeri Sembilan which is still practicing the Adat Perpatih. The colonisation of Negeri Sembilan by the British has resulted in changes to the practices, in line with the economic situation at the time and their focus on land management affairs. Customary land was an important asset for the adat of the community as a continuation of their economic strength. Realising this, the year of 1909 was the beginning of the establishment of CTE especially for those customary lands that had been enacted by the British based on the land law of Adat Perpatih. CTE was enacted to ensure customary lands were not transferrable to other individuals particularly the foreigners. In this respect, each customary land would be marked as customary land in the land grant to indicate that the land has been permanently held and cannot be sold. Notwithstanding this however, if the customary land tag was to be annulled, that piece of land would then be transferrable. This has raised concerns on the effectiveness of the law to protect the customary lands as well as on the understanding of the adat community of the CTE. The objective of this study is to examine changes and effect of CTE on adat community. The findings of the study showed that there have been changes that had impacted the sustainability of customary lands. Under the British administration from the early 1930's until the early 1940's, changes had been seen to occur in the mindset of the adat community with the occurrences of a number of customary lands annulments to enable the selling of customary lands. This has definitely run contrary to the original intention of CTE. The establishment of CTE to protect customary lands has now become a "facility" for the adat community to sell their land. The weaknesses of CTE have not been able to protect land and adat and the economic changes have also impacted the community's mindsets.

Keywords: adat communities, customary land, British colonial government, Customary Tenure Enactment (CTE)

PENGENALAN

Makalah ini akan mengupas pengaruh undang-undang British ke atas tanah adat di Negeri Sembilan. Pelaksanaan *Customary Tenure Enactment* (CTE) yang diwartakan oleh British bertujuan mengawal perjalanan sistem tanah adat di negeri ini. Hampir kesemua peraturan dan undang-undang yang diwartakan dalam CTE ini berlandaskan kepada sumber aturan Adat Perpatih namun pembuat keputusan bagi kes-kes yang terlibat akan diputuskan oleh seorang pegawai British. Walau bagaimanapun, undang-undang ini tidak menjanjikan

suatu pulangan yang mudah bagi kerajaan kolonial dalam mengawal aspek pentadbiran tanah di Negeri Sembilan. Isu berkaitan CTE ini secara jelasnya memberi kesan kepada masyarakat Adat Perpatih itu sendiri.

Dalam kajian sarjana seperti Nadzan (1997), Nordin (1976), Norhalim (1993) dan Wong (1975), pengenalan CTE ini merupakan suatu undang-undang yang bertujuan untuk meletakkan tanah adat itu seiring dengan undang-undang tanah yang lain serta memudahkan pemungut hasil tanah menjalankan tugasnya. Selain itu, CTE juga bertujuan mengawal tanah adat daripada mudah dijual kepada individu lain terutama bangsa asing (Nadzan, 1997; Wong, 1975; Nordin, 1976). Namun dalam kajian sarjana-sarjana ini, tidak dinyatakan secara khusus kesan yang dialami oleh masyarakat adat itu sendiri dan apakah CTE ini benar-benar berjaya memenuhi objektifnya. Oleh itu, makalah ini akan mengungkap isu ini secara lebih mendalam lagi dengan lebih menfokuskan kepada isu yang dialami oleh masyarakat adat sepanjang CTE ini dilaksanakan semasa zaman kolonial. Dalam makalah ini, penulis tertarik dengan kajian yang dijalankan oleh Nadzan (1997) di mana penerangan beliau tentang CTE jelas dan terperinci berdasarkan fail-fail kolonial dan juga laporan tahunan. Hasil kajiannya telah menjelaskan situasi CTE dan bagaimana CTE digubal oleh British. Dalam kajiannya, beliau menyatakan British sentiasa berpandukan kepada adat yang diamalkan oleh mereka yang berkaitan dalam semua urusan pembahagian dan perwarisan harta. Dalam pentadbiran tanah masyarakat adat di Negeri Sembilan, British bukan sahaja berpandukan kepada adat dalam urusan pembahagian dan perwarisan bahkan juga dalam apa jua bentuk urusan pindah milik. Pengenalan hak milik individu dan sistem *torrens* telah menggugat konsep hak milik yang diamalkan di dalam adat (Nadzan, 1997; 1992). Kajiannya juga lebih bertujuan untuk melihat cabaran yang dihadapi dan tindakan yang diambil oleh British dalam usaha melaksanakan peraturan adat dalam sistem pentadbiran tanah di Negeri Sembilan. Penerangan dalam kajiannya lebih terarah kepada undang-undang dan sebab penggubalannya tanpa mengetengahkan kesan kepada masyarakat adat.

Nordin (1976) mempunyai pendapat tersendiri tentang CTE di Negeri Sembilan. Beliau berpendapat, hukum adat mempunyai kekuatan tersendiri dan mendapat sokongan daripada British, "adat itu unik, ia membendung unsur-unsur moden dan unsur-unsur yang pada separuhnyalah ialah '*sanction sosial*'. Kerana keunikannya beliau tidak menggunakan 'hukum' (*law*) dan tidak digunakan '*sanction sosial*' tetapi menggunakan 'hukum adat' dengan erti yang khusus sekali pada masyarakat Adat Perpatih" (Nordin, 1976). Pendapat yang diberikan oleh beliau dilihat kukuh dan yakin bahawa undang-undang adat itu mempunyai kekebalannya dan pentadbir British akur kepentingan undang-undang adat ini. Namun hasil daripada kajian yang telah dilakukan, Adat Perpatih itu tidak kukuh sepenuhnya daripada segi pentadbiran dan juga pengamalannya. Ulasan ini berdasarkan beberapa fail kolonial yang akan dihuraikan selanjutnya dalam penulisan ini. Adat Perpatih sendiri tidak mempunyai sandaran tersendiri

sehinggakan British terpaksa menggubal secara bertulis dan memasukkan unsur-unsur barat sehinggakan undang-undang itu dilihat hak British dan menjadi rujukan serta penghukum kepada anggota adat. Berdasarkan beberapa bukti, tiada hak keistimewaan yang diperolehi oleh masyarakat adat walaupun CTE berlandaskan Adat Perpatih. Langkah yang diambil British ini jelas mahu melicinkan pentadbiran mereka dan memudahkan kerja-kerja pungutan cukai. Maka di manakah keistimewaan yang diperolehi jika tanah adat juga perlu membayar cukai yang sama dengan tanah bukan adat. Tiada apa-apa keistimewaan yang diperolehi bahkan CTE hanya lebih kepada menandakan tanah adat dan mengelakkan tanah adat mudah dijual kepada orang lain.

Makalah ini akan membuktikan Adat Perpatih sendiri tidak kukuh pengamalannya dalam kalangan masyarakatnya sendiri dan terdapat kelonggaran sehingga memerlukan bantuan asing bagi mengukuhkan peraturannya. Kerajaan kolonial telah membuka suatu dimensi baharu dalam perkembangan ekonomi di Negeri Sembilan, pengaruh undang-undang tanah kolonial telah mula membayangi undang-undang tanah adat yang sedia ada di negeri ini. Sejauh manakah pengaruh kolonial ini meresap ke dalam undang-undang tanah adat akan diulas dengan lebih terperinci dalam makalah ini. Kajian ini akan menumpukan hanya kepada undang-undang CTE yang menjadi pengukuh kepada undang-undang tanah Adat Perpatih. CTE membuka dimensi baharu dalam pelaksanaan undang-undang adat yang lebih moden dan berkepentingan kepada British. Bagi mengupas lebih lanjut pelaksanaan undang-undang ini, penulis menggunakan beberapa fail kolonial untuk dianalisis dan dijadikan penanda aras perjalanan CTE sepanjang zaman kolonial. Bagi memberikan lebih penumpuan hanya 20 kes sahaja akan dirujuk bagi melihat kepelbagaian jenis kes dan bagi menampakkan pengkhususan dalam kes-kes yang berlaku. Walaupun analisis fail tersebut tidak merangkumi setiap tahun atau secara menyeluruh namun dipercayai mampu dijadikan suatu hipotesis dan meneruskan kajian seterusnya.

CAMPUR TANGAN BRITISH DI NEGERI SEMBILAN

Pada 1 Julai 1896, British telah membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang dianggotai oleh Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Pahang (Norhalim, 1993: 156). Penyatuan ini ternyata mendapat sokongan daripada sultan-sultan negeri Melayu yang terlibat. Bagi pemerintah Melayu, mereka berasakan persekutuan ini mempunyai manfaatnya dan yang lebih penting, persekutuan ini tidak akan menjejaskan status mereka selaku ketua negeri. Selain itu, persekutuan ini juga memberi manfaat kepada negeri yang dianggap miskin iaitu Pahang dan Negeri Sembilan untuk mendapatkan bantuan daripada negeri yang kaya iaitu Perak dan Selangor (Swettenham, 1948).¹ Selepas Perjanjian Pangkor, para pentadbir British melihat potensi pertanian amat tinggi untuk dimajukan (Lim, 1976). Oleh kerana itu, pentadbiran tanah menjadi tumpuan utama British dengan

melaksanakan perubahan drastik bagi memastikan pengurusan ekonomi dapat dijalankan dengan lebih lancar.

Secara ringkasnya, pengaruh British berkembang di Negeri Sembilan secara berperingkat-peringkat kerana mereka lebih berminat menumpukan perhatian di kawasan yang kaya sumber galian. Kawasan pertama yang dikuasai oleh British ialah Sungai Ujong pada 10 Oktober 1874. British berminat menguasai kawasan ini kerana kekayaan sumber bijih timah berbanding daerah lain di Negeri Sembilan. Selepas berjaya menguasai Sungai Ujong, perhatian British beralih pula ke Jelebu, dan seterusnya menumpukan perhatian ke wilayah adat iaitu Kuala Pilah. Pengaruh British di Kuala Pilah berpunca daripada Perang Bukit Putus 1874, di antara Yam Tuan Antah dan tentera British. Dalam peperangan ini, Yam Tuan Antah mengalami kekalahan, maka dengan itu kawasan Kuala Pilah berjaya dikuasai British. Pada masa yang sama British berusaha meluaskan kuasanya di Rembau dan usaha itu berhasil pada tahun 1889, Rembau dan Kuala Pilah telah diletakkan di bawah naungan kerajaan British yang diperintah oleh seorang residen. Sungai Ujong dan Jelebu berada di bawah pemerintahan yang berasingan. Pada tahun 1891 daerah-daerah ini disatukan di bawah persekutuan iaitu Negeri Sembilan (Nadzan, 1997: 42). Persekutuan ini terjadi apabila British berusaha memaksa luak-luak yang lain mengakui kuasa Yang Dipertuan Besar bagi menaungi keseluruhan Negeri Sembilan (Abdul Rahman, 1964: 54). Hal ini berbeza dengan peranan beliau semasa di awal kekuasaannya. Walau bagaimanapun, Undang Yang Empat masih lagi berperanan penting dalam memimpin kawasan masing-masing dan berkuasa memilih serta menabal Yang Dipertuan Besar.

Apabila perjanjian penyerahan kuasa telah ditandatangani, pihak British mula mewujudkan suatu sistem birokrasi sesuai dengan sistem pemerintahan yang telah menjadi amalan mereka. Contohnya di Kuala Pilah, luak-luak dalam daerah ini diletakkan di bawah satu pentadbiran pusat, luak-luak tersebut ialah Johol, Kepis, Pilah, Ampang Tinggi, Ulu Muar, Terachi, Sri Menanti, Juasseh, Ulu Jempol, Serting, Hilir, Langkap, Parit Tinggi, Rompin dan Jelai. Pentadbiran daerah ini pula adalah tertakluk di bawah pentadbiran negeri yang berpusat di Seremban (Sungai Ujong). Ketua pentadbir di peringkat daerah digelar majistret dan pegawai pemungut hasil tanah. Pentadbir ini bertanggungjawab ke atas pentadbiran tanah, misalnya memungut hasil cukai, menguruskan pemindahan hak milik tanah dan sebagainya (Nadzan, 1997: 42). Tiap-tiap mukim dalam suatu daerah diwujudkan pula jawatan penghulu mukim dan tiap-tiap kampung pula diwujudkan jawatan ketua kampung (Nadzan, 1997: 43).² Suatu perkara yang pasti, jawatan penghulu dan ketua kampung dikhaskan untuk masyarakat tempatan sahaja kerana bagi British masyarakat peribumi sebaiknya ditadbir oleh pemimpin dalam kalangan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, semua peraturan dan garis panduan telah ditetapkan oleh British dan dikuatkuasakan atas nama Raja Melayu (Nadzan, 1997: 43). Berdasarkan senario ini, golongan ketua adat sama sekali tidak berperanan secara langsung dalam anggota kerajaan,

mereka hanya berkepentingan dalam hal ehwal adat sahaja dan bagi mengambil hati, British telah memberikan elaun bulanan serta pelepasan cukai tanah pusaka mereka (Nadzan, 1997: 43).

Pengamalan pentadbiran Adat Perpatih yang dikatakan mengikut musyawarah dan keputusan dari bawah telah berubah dan tidak dominan lagi. Perkara ini sama sekali telah mengalami impak tersendiri di bawah penguasaan British, tiada lagi pemusyawarahan dalam kalangan anggota kerajaan yang melibatkan ketua-ketua adat, semua dasar dimonopoli oleh British yang melibatkan pegawainya sahaja dan arahan yang datang daripada pihak atasan harus dipatuhi oleh golongan bawahan iaitu masyarakat tempatan. Beberapa alasan tentang perkara ini akan diulas selanjutnya.

PENTADBIRAN BRITISH

Perbezaan ketara dua pegangan undang-undang ini tidak menghalang British meneruskan agenda ekonominya. Arahan daripada pemerintah kepada masyarakat bawahan mula dipraktikkan oleh British di Negeri Sembilan. Undang-undang tanah British secara umum telah diperkenal dan dimulakan di kawasan Kerian, Perak. Berdasarkan undang-undang yang digubal di Pejabat Tanah Singapura, sebarang tanah di dalam negeri Perak yang diduduki sebelum 13 Julai 1874 diakui tertakluk di bawah undang-undang adat. Namun, sesiapa yang menduduki mana-mana tanah selepas daripada tarikh tersebut akan dianggap sebagai menyewa tanah kerajaan dengan tempoh sewaan selama 999 tahun pada kadar 30 sen seekar. Pada 1879, undang-undang tanah mula diwartakan secara menyeluruh di Perak (Maxwell, 1894: 3). Oleh itu, British mula mengadakan sistem pegangan tanah acuan daripada negara Barat bagi memenuhi cita-cita mereka untuk menguasai ekonomi negara jajahan. Maxwell semasa menjawat jawatan selaku Pesuruhjaya Negeri-negeri Selat pada 1890 telah menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbiran tanah di Negeri-negeri Melayu dengan memperkenalkan sistem pengurusan tanah yang diamalkan di Australia yang dikenali sebagai sistem *Torrens* (Maxwell, 1894: 3).

Tujuan utama pihak British menyusun sistem pentadbirannya adalah untuk mewujudkan suatu sistem yang lebih teratur, cekap dan berkesan. Bagi pentadbiran tanah, pentadbir British telah menyusun suatu sistem dengan mengadakan penyesuaian undang-undang tanah dari masa ke semasa demi mewujudkan suatu undang-undang yang lengkap, di samping menjaga kepentingan ekonomi mereka dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pelindung terhadap soal agama dan adat orang Melayu (Nadzan, 1997: 45). Negeri-negeri Melayu Bersekutu mempunyai peruntukan yang memberi kuasa kepada kerajaan kolonial dalam pengumpulan dan kawalan semua pendapatan dan pentadbiran am negeri (Nadzan, 1997: 45).

Di Negeri Sembilan, pihak British peka dalam melaksanakan polisi mereka untuk disesuaikan dengan undang-undang tanah tempatan dan persekitaran masyarakatnya. British mempunyai penguasaan dalam hal ehwal pentadbiran tanah, oleh itu semua undang-undang tanah yang dimaksudkan untuk pentadbiran tanah daerah Kuala Pilah (contoh salah satu daerah di Negeri Sembilan) adalah undang-undang yang telah digubal oleh pegawai-pegawai tadbir British yang telah berkhidmat di daerah tersebut. Penyertaan ketua-ketua adat hampir tiada dalam segala hal ehwal pentadbiran tanah milik masyarakat adat dengan perkembangan undang-undang adat yang sentiasa berubah. Pertimbangan dalam menggubal undang-undang oleh British adalah untuk kepentingan ekonomi, tanggungjawab untuk melindungi hak keistimewaan orang Melayu daripada kaum pendatang dan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama serta adat istiadat orang Melayu (Nadzan, 1997: 45). Ketiadaan suara daripada pembesar tempatan dalam hal ehwal perundangan dilihat membelakangkan hak penduduk bumiputera di Negeri Sembilan. British secara dasarnya telah menggubal undang-undang mengikut kefahaman mereka sendiri tanpa melibatkan ketua-ketua tempatan. Hal ini telah mewujudkan satu undang-undang yang menguntungkan pihak British dan pihak yang berkepentingan, manakala orang tempatan sedikit sebanyak merasai kesukarannya.

Pegawai-pegawai British di peringkat tertinggi sering kali mengingatkan pegawai yang bertanggungjawab supaya membuat kajian ke atas pungutan cukai-cukai tanah, hal ini bagi mengelakkan kemungkinan orang-orang Melayu bertindak menentang cukai-cukai tanah yang dinaikkan secara mendadak (Lim, 1976: 20; Nadzan, 1997: 45). Ketika Frank Swettenham menjadi "*Resident General*", beliau pernah mengeluarkan surat pekeliling memberi peringatan kepada pegawai-pegawai tadbir yang menyelaraskan undang-undang tanah supaya tidak mencampuri hal-hal pentadbiran tanah yang mengikut adat tempatan (Nadzan, 1997: 45). Perkara ini menimbulkan sedikit keraguan di mana beliau tidak mahu urusan tanah dicampuri dengan adat tempatan. Penulis berpendapat bahawa Frank Swettenham berkemungkinan mahu membataskan kuasa pembesar tempatan dalam hal ehwal tanah. Selain itu, kemungkinan dengan cara ini British boleh memudahkan pentadbiran hal ehwal tanah dan menguruskan hasil dengan lebih berkesan tanpa diganggu dengan masalah lain.

DASAR TANAH ADAT ZAMAN KOLONIAL: *CUSTOMARY TENURE ENACTMENT, 1909*

Pihak British berpandangan bahawa Negeri Sembilan telah mempunyai institusi adat yang tersusun dan unik. Hooker (1972a) mengatakan pandangannya di mana Adat Perpatih tidak terdapat di negeri lain selain Negeri Sembilan dengan susunan adat yang begitu tersusun dan kuat pengamalannya kecuali sebahagian kecil di Melaka (Naning). Perbilangan adat telah menjadi kata-kata aturan bagi

pemilikan, perwarisan dan permasalahan berkaitan tanah. Susunan pentadbiran juga dilihat efektif dan ideologi berdasarkan warisan adat sangat utuh dalam jiwa pembesar seperti Undang dan Lembaga (Hooker, 1972b). Selain itu, Wilkinson (1971) berpandangan Adat Perpatih bersifat demokratik di mana adat ini mempengaruhi dalam kehidupan masyarakat dan mempunyai ungkapan dengan kata-kata yang menarik seperti tempat asal mereka dan mempunyai perbilangan adat tersendiri. Walau bagaimanapun, perubahan gelombang ekonomi yang mulai terbuka telah memaksa British untuk masuk campur di dalam hal ehwal adat terutamanya di dalam hal pentadbiran tanah (Taylor, 1948: 51; Nadzan, 1997).

Perubahan ekonomi dan pembangunan yang berlaku telah mendedahkan tanah milik orang Melayu kepada transaksi perdagangan. Perkembangan industri getah dan pembukaan ladang-ladang di pinggir kampung orang Melayu menyebabkan tanah di sekitar pemilikan mereka terdedah kepada pembelian pihak pelabur. Perkembangan ini telah membawa kepada gejala kurang sihat iaitu pemilik terpengaruh dengan harga yang ditawarkan tanpa menghirau peraturan adat dan menjual tanah tersebut (Taylor, 1948: 51; Nadzan, 1992: 47). Undang-undang tanah sedia ada dilihat tidak mampu mengatasi masalah yang berlaku. Oleh itu, perkara ini telah mendorong British untuk memperbaiki dan menyusun semula pentadbiran tanah Adat Perpatih bagi menyekat dan memelihara tanah adat daripada tergadai (Taylor, 1948: 51; Nadzan, 1992: 47).

Konsep tanah pusaka mula diakui oleh kerajaan British pada tahun 1909 dengan penggubalan *Customary Tenure Enactment* (CTE) 1909. Hal ini kerana tiadanya peruntukan khusus untuk tanah adat dalam undang-undang tanah sebelumnya. Ekoran daripada itu, institusi tanah adat mulai terjerumus kepada jurang pasaran terbuka. Sebelum tempoh 1909, tiada undang-undang khusus yang menghalang penjualan tanah adat, bertepatan dengan itu enakmen ini digubal bagi menghalang penjualan tanah pusaka kepada orang yang berlainan suku dan kepada bangsa lain. Tiap-tiap tanah pusaka sah diiktiraf sebagai tanah pusaka jika mempunyai tanda *customary land* pada gerannya (Nordin, 1976: 109; Wong, 1975: 473).

Pegawai pemungut hasil tanah diberi kuasa untuk mencatatkan perkataan *customary land* ke atas geran dan rekod pendaftaran semua tanah-tanah kepunyaan masyarakat adat. Dengan syarat, tanah-tanah tersebut didaftarkan dalam daftar mukim dan telah ditadbir mengikut peraturan-peraturan adat sejak tanah itu dimiliki. Selain itu, enakmen ini juga memberi kuasa kepada pegawai tersebut untuk memadam tanda *customary land* apabila sesuatu tanah adat ini tidak lagi tertakluk kepada peraturan adat (Nadzan, 1997: 59). Peruntukan ini bagi menyesuaikan dengan undang-undang yang lain bagi membolehkan pemungut hasil tanah mengambil tindakan dalam masalah di mana tiada anggota suku yang sanggup menebus cukai yang tidak berbayar atau dalam tuntutan hutang ke atas tuan tanah yang telah mati. Tawaran terakhir akan dibuka kepada orang bukan adat dan pembeli berkenaan dilindungi oleh undang-undang sebagai pemilik sepenuhnya dan tanah berkenaan tidak tertakluk kepada peraturan adat

lagi. Kewujudan CTE 1909 telah menonjolkan undang-undang adat lebih bersistematik namun mempunyai beberapa kelemahan. Semangat kesukuan dalam Adat Perpatih yang memastikan tanah tidak boleh dimiliki oleh individu selain daripada masyarakat adat mulai longgar dalam CTE. Walaupun tujuan British adalah untuk memudahkan urusan tanah adat yang tidak bertuan, namun keterbukaan ini sedikit sebanyak telah mengubah struktur peraturan adat yang sebenar.

Seksyen (iii) CTE menyatakan tanah yang telah ditanda *customary land* pada gerannya tidak boleh dipindah milik, digadai, atau diwariskan kecuali dengan melalui peraturan-peraturan adat (Nadzan, 1997: 60). Dengan pengenalan tanda *customary land* di dalam geran pemilik tanah adat, pengiktirafan pemilikan hanya disandarkan kepada satu tanda bagi menghalangnya daripada terjual kepada pihak lain dan segala peraturan akan termaktub dalam undang-undang tanah Adat Perpatih dan dimodenkan dalam CTE. Setiap penggubalan undang-undang pasti tidak akan menemui titik kesempurnaan dan mempunyai kelemahan tertentu di mana perkara tersebut juga tidak dapat dielakkan dalam penggubalan undang-undang ini. Kuasa mencatatkan *customary land* hanya diberikan kepada pegawai tanah tanpa memberikan satu tugas kepada pemungut hasil tanah membuat penyiasatan atau mencatatkan mana-mana geran yang ditentukan. Bagi masyarakat adat yang berpegang kuat kepada adat pastinya akan mengikut penuh peraturan yang telah ditetapkan. Namun, bagi mereka yang tidak mempunyai anak perempuan dan mempunyai kesedaran dalam keadaan ekonomi semasa, pastinya mereka tidak mahu mendaftarkan tanah mereka sebagai tanah yang tertakluk kepada peraturan adat. Maka tanda *customary land* kurang mendatangkan kesan. Enakmen 1909 juga tidak mengenakan satu tanggungjawab kepada anggota masyarakat adat supaya mengembalikan geran-geran tanah yang telah dikeluarkan untuk ditandakan *customary land* (Nadzan, 1997: 61).

CUSTOMARY TENURE ENACTMENT, 1926

Penggubalan CTE 1909 telah mendatangkan masalah kepada British, pentadbiran tanah adat menjadi bertambah rumit dan sedikit sebanyak mengganggu pengurusan tanah di peringkat pusat. Di antara kelemahan dan kepincangan yang ketara dalam CTE 1909 ialah pemindahan hak milik tanah pusaka sama ada pusaka nenek moyang atau pusaka carian yang pada kebiasaannya diperbuat mengikut peraturan-peraturan adat, tetapi akibat daripada penggubalan CTE 1909 tanah pusaka yang terdapat tanda *customary land* sahaja ditadbir di bawah peraturan adat. Tanah pusaka yang tidak mempunyai tanda *customary land* tidak tertakluk kepada peraturan adat. Dalam hal harta carian mengikut peraturan adat, jika tanah tersebut diwarisi oleh generasi perempuan, tanah ini akan tergolong sebagai tanah adat. Namun, selepas CTE 1909 digubal semua harta carian dikeluarkan daripada peraturan adat (Nadzan, 1997: 60). Hal ini jelas

bertentangan dengan peraturan adat yang sebenar. Melihat kepada kepincangan ini, residen dengan perkenan daripada Majlis Negeri pada tahun 1926 telah meluluskan satu undang-undang menggantikan CTE 1909.

Customary Land Enactment 1926 merupakan undang-undang yang digubal untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pegawai tanah dalam melaksanakan pentadbiran tanah milik anggota masyarakat adat. Dalam pelaksanaan CTE 1909 banyak tanah milik orang lelaki telah dicatatkan sebagai *customary land*. Pemungut hasil tanah telah menghadapi masalah dalam hal ini kerana tanah adat hanya boleh dimiliki oleh kaum perempuan. Oleh yang demikian, CTE 1926 telah membuat peruntukan di bawah Seksyen 3, memberi kuasa kepada pemungut hasil tanah untuk membetulkan kesilapan itu dan menentukan bahawa pewarisan semua tanah adat yang asalnya di bawah anggota lelaki diteruskan kepada anggota perempuan dalam suku yang sama. Seksyen ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan dengan prinsip adat bahawa tanah adat hanya diwarisi oleh waris perempuan. Undang-undang yang terkandung dalam CTE 1926 ini secara keseluruhannya merupakan peraturan-peraturan adat yang disesuaikan ke dalam pentadbiran moden. Antara yang utamanya ialah pengekal konsep hak milik terhad, tatacara pemindahan hak milik, perwarisan dan pembahagian. Semua aspek-aspek tersebut diselaraskan dengan peraturan adat (Nadzan, 1997: 65). Pengenal CTE 1926 jelas menampakkan undang-undang Adat Perpatih telah dimodernkan dengan sistem yang lebih tersusun dan sistematik. Hal ini disokong oleh Hooker (1972a) dalam kenyataannya, adat kini adalah tertakluk kepada peruntukan sistem undang-undang berdasarkan undang-undang kolonial yang biasa diamalkan.

PERLAKSANAAN *CUSTOMARY TENURE ENACTMENT (CTE)*

Terdapat beberapa pendapat sarjana yang dirujuk bagi melihat bagaimana perjalanan undang-undang adat ini berlaku. Kebanyakan mereka menjelaskan secara khusus undang-undang adat namun tidak dijelaskan dengan lebih terperinci masalah ataupun kesan pengamalan adat zaman kolonial di Negeri Sembilan (Nadzan, 1997: 65; Wong, 1975; Nordin, 1976).

Perubahan polisi pentadbiran yang berlaku dalam hal ehwal tanah telah mendatangkan beberapa implikasi kepada pentadbiran tanah adat. Hal ini jelas diperlihatkan dalam beberapa kes yang didapati daripada fail-fail kerajaan kolonial. Berikut disenaraikan beberapa kes yang melibatkan pelaksanaan dan penggunaan CTE oleh British dan masyarakat adat.

Jadual 1: Jumlah kes mengikut kategori 1921–1940

Kes	Jumlah
Membatalkan tanda <i>customary land</i>	9
Perwarisan tanah adat	4
Tuntutan tanah	4
Penjualan tanah	3
Jumlah	20

Sumber: Disesuaikan daripada fail kolonial N.S. SECRETARIAT dan N.S. SEC. GENERAL

Secara ringkasnya, jumlah kes yang terlibat ditunjukkan dalam Jadual 1. Dalam kes-kes yang disenaraikan, dapat dinyatakan ialah kes yang melibatkan pembatalan tanda *customary land* amat popular penggunaannya. Dua puluh kes sahaja dipilih bagi memberikan lebih penumpuan yang lebih khusus dalam mengkaji CTE. Kes-kes ini dipilih berdasarkan perjalanan kes dan kaedah British menyelesaikan kes tersebut. Daripada 20 kes yang disenaraikan 9 daripadanya melibatkan pembatalan tanda *customary land*. Seksyen (iii) CTE dilihat sangat berpengaruh dan popular penggunaannya. Permohonan penukaran status tanah adat ini secara kasarnya bermula selepas tahun 1926 iaitu selepas pindaan CTE dan berlanjutan sehingga penghujung tahun 1930-an dan awal 1940-an. Hal ini berlaku kerana pada awal pelaksanaan CTE 1909, masyarakat adat masih belum memahami secara khusus pelaksanaan CTE.

Namun, selepas satu dekad masyarakat adat mulai memahami dan berkemungkinan merasakan undang-undang British lebih tersusun daripada Adat Perpatih kerana segala keputusan secara dasarnya akan kembali kepada pegawai British. Lokasi yang melibatkan banyak pelaksanaan CTE ini ialah di daerah Kuala Pilah dan Tampin (Rembau). Hal ini berkemungkinan kerana kedua-dua daerah ini amat dominan dengan pengamalan Adat Perpatih yang kuat dan masyarakatnya masih lagi mengamalkan corak ekonomi Melayu yang lazim dan belum terbuka penuh dengan corak ekonomi moden seperti yang berlaku di Sungai Ujong dan Port Dickson.

PEMBATALAN TANDA *CUSTOMARY LAND*

Terdapat beberapa sebab yang membawa kepada tindakan membatalkan tanda ini diambil dalam kalangan anggota adat. Di antara sebabnya ialah:

1. Kesilapan pendaftaran
2. Menjual tanah kerana tiada hasil dan bebanan cukai

Perbincangan berikutnya merujuk kepada beberapa kes yang melibatkan pelaksanaan CTE dalam proses pembatalan tanda *customary land* dan masalah tanah adat yang berlaku. Kes Meriam binti Ibrahim merupakan antara kes yang mempunyai proses yang sedikit rumit dan timbul banyak persoalan.³ Meriam binti Ibrahim memohon membatalkan tanda *customary land* ke atas tanah miliknya kerana tanah itu dibeli sendiri dan bukan tanah pusaka daripada ibunya. Seperkara lagi, Meriam merupakan seorang anak angkat berketurunan Jawa dan telah datang ke Tanah Melayu semasa berumur 10 tahun. Beliau telah dijadikan anak angkat oleh Piah binti Kita yang berpegang kepada Adat Perpatih. Jika mengikut adat, Meriam tidak layak mewarisi tanah pusaka kerana bukan tergolong dalam anggota adat, melainkan beliau telah dikadimkan.⁴ Menurut bapa angkatnya, Meriam telah pun dikadimkan mengikut adat semasa kecil lagi. Adat berkadim ini dijalankan kepada orang luar yang ingin menjadi anggota sesuatu suku sama ada kerana berkahwin dengan anggota suku ataupun menjadi anak angkat. Adat berkadim ini dijalankan dengan menyembelih seekor kambing dan mengadakan upacara "berchechah darah" serta bayaran untuk Lembaga suku dan juga upacara yang disebut "Doa di tampong, sumpah di laboh".

Perkara yang menjadi isu di dalam kes ini ialah status *customary land* ke atas tanah E.M.R. 4347. Pihak kerajaan kolonial ingin memastikan tanah ini bukanlah tanah pusaka daripada ibu angkat Meriam kerana tanah tersebut sememangnya pada asal telah dikategorikan sebagai *customary land*. Menurut Meriam, tanah itu dibeli menggunakan duit sendiri dan tanah tersebut bukanlah tanah pusaka. Ketika proses pembelian tanah, beliau tidak mengetahui bahawa tanah tersebut berstatus *customary land*. Sebaliknya ketika proses penjualan tanah semula, beliau mengalami kesulitan kerana mendapati tanah tersebut berstatus *customary land*. Maka, tanah tersebut tidak boleh dijual mengikut peraturan Adat Perpatih dan juga CTE. Untuk melayakkan tanah tersebut dijual, status *customary land* mestilah dibatalkan. Oleh itu, Meriam telah memohon kepada pihak pejabat tanah untuk membatalkan status bagi memudahkan beliau menjual tanah tersebut. Perbicaraan telah dijalankan dan pihak pemungut hasil tanah Kuala Pilah mendapati tanah E.M.R. 4347 bukan merupakan tanah adat dan memerintahkan tanda *customary land* dibatalkan.

Berdasarkan kes ini, tanah yang dibeli oleh Meriam telah berstatus *customary land* maka tanah ini mestilah dibicarakan di bawah CTE. Namun, Meriam menafikan beliau tergolong dalam masyarakat Adat Perpatih kerana beliau merupakan anak angkat dan tidak layak dibicarakan di bawah peruntukan CTE. Pertindihan status perundangan ini telah mendatangkan masalah kepada pihak British. Terbukti bahawa tidak semua masyarakat yang berada dalam kawasan lingkungan adat ialah anggota Adat Perpatih, berkemungkinan kerana tanah Meriam berada di dalam daerah Kuala Pilah yang dominan dengan tanah adat, pihak pejabat tanah telah tersalah anggap bahawa tanah itu ialah tanah adat. Tidak dapat disangkal kesilapan ini berlaku kerana salah faham semasa pendaftaran tanah ketika CTE mula diperkenalkan.

Kesilapan pendaftaran tanah ini dikuatkan lagi dengan beberapa kes yang melibatkan pembatalan tanda *customary land* kerana kesilapan semasa pendaftaran, seperti kes Aroh binti Siam Raja dan Maasih bin Gobeh.⁵ Mereka mendakwa terdapat kesilapan semasa pendaftaran tanah dalam tahun 1919. Mereka memohon mengikut peruntukan Seksyen (iii) CTE 1926 untuk membatalkan status tanah adat tanah mereka. Perkara sama turut berlaku kepada tanah milik Hussin bin Haji Taib yang mengatakan terdapat kesilapan semasa pendaftaran tanah tahun 1910 dan meminta membatalkan tanda *customary land* dalam geran tanahnya.⁶ Tidak dinyatakan bagaimana kesilapan boleh berlaku semasa pendaftaran sebelumnya, namun boleh dijelaskan kemungkinan pendaftar tanah telah menganggap tanah ini merupakan tanah adat kerana berada dalam kawasan lingkungan adat dan secara yakin mendaftarkan tanah tersebut sebagai tanah adat dan meletakkan tanda *customary land* di dalam geran. Terdapat banyak lagi permohonan yang sama kesnya di mana pemohon meminta supaya pembatalan status tanah adat dalam geran mereka.⁷ Dengan pengenalan konsep pendaftaran dan geran untuk tanah adat, konsep hak milik tanah dalam kalangan masyarakat adat tidak mempunyai kelainan dan tidak mustahil pegangannya mulai longgar dan mudah ditukar status.

Terdapat juga kes pembatalan status tanah adat yang berlaku kerana kepentingan individu dan tiada lagi semangat sesama suku seperti yang diterapkan dalam Adat Perpatih. Berdasarkan kes Kembang binti Haji Rapal yang dirujuk dalam fail *Applies for excision from the Malay Reservation and removal of the inscription customary land of E.M.R. 896 Pilah to enable her to sell it to Govt or others. N.S.SEC.GENERAL 462/1935*,⁸ beliau telah memohon untuk membatalkan status *customary land* di dalam geran tanahnya E.M.R. 896 Pilah bagi memudahkan beliau menjual tanah tersebut kepada kerajaan ataupun orang lain termasuklah bukan Melayu. Hasil jualannya akan digunakan untuk membeli tanah lain untuk diusahakan. Permohonan ini dilakukan kerana tanah itu tidak lagi mendatangkan hasil kerana tanah sawah yang tidak berair dan perlu membayar bebanan cukai \$22 setahun. Terdapat dua aspek penting dalam kes ini, (1) proses mudah bagi penjualan tanah adat; dan (2) bebanan cukai yang dihadapi masyarakat adat. Fail tersebut yang bertarikh pada tahun 1935 telah membuktikan perlaksanaan CTE telah lama dan mula difahami penggunaannya dalam kalangan pewaris masyarakat adat generasi kedua dalam CTE. Istilah generasi kedua yang dimaksudkan ialah pewaris kedua selepas undang-undang CTE mula-mula diperkenalkan pada tahun 1909, di mana pada waktu itu generasi pertama yang tidak memahami secara khusus perlaksanaan undang-undang ini dan masih lagi utuh mengamalkan Adat Perpatih. Tempoh kewujudan CTE pada tahun 1909 dan pindaan 1926 yang hampir 26 tahun jarak masa hingga 1935 telah memungkinkan masyarakat adat rata-ratanya telah memahami secara khusus penggunaan CTE. Oleh itu, dalam kes Kembang binti Haji Rapal, telah hilang semangat kesukuan yang diamalkan secara turun-temurun dan mulai terhakis dengan kehadiran undang-undang British.

Merujuk kepada kes Kembang binti Haji Rapal, bebanan cukai menjadi masalah yang masih lagi berlaku sehingga penghujung tahun 1930-an pentadbiran British. Kes ini telah menjelaskan tentang bebanan cukai masih lagi tidak mampu diatasi sehingga menyebabkan keputusan menjual tanah adat dilakukan. Perlaksanaan cukai telah mendatangkan bebanan kepada masyarakat adat ditambah dengan tanah yang tiada hasil telah menyebabkan tanah adat mulai longgar pemilikannya berbeza dengan peraturan asal Adat Perpatih. Status tanah adat pada ketika itu hanyalah bersandarkan kepada tanda *customary land* sahaja di dalam geran dan tanah ini akan terkeluar daripada status tanah adat jika tanda ini dibatalkan. Walaupun persetujuan untuk membatalkan status ini tidak mudah, namun persetujuan dalam kalangan pembesar dilihat tidak mendatangkan masalah besar. Dalam kes Kembang binti Haji Rapal, Dato Maharaja bin Haji Arshad, Lembaga Suku Batu Hampar tidak menghalang jualan ini dilakukan kerana dirujuk sebagai Tanah Pesaka Tebusan. Selain itu, permohonan ini juga tidak mendatangkan masalah untuk diluluskan oleh Mesyuarat Ka'adil dan Undang yang telah bersidang bagi kes ini.

Selain itu, sering berlaku pertindihan pendaftaran yang mengelirukan, hal ini kerana berlakunya pertindihan undang-undang *Land Enactment 1897*, *Customary Land Enactment* dan *Malay Reservation*. Kesemua undang-undang ini mempunyai kepentingan untuk menjaga hak milik tanah orang Melayu. Oleh kerana terdapat juga tanah adat di dalam peruntukan undang-undang tanah tersebut, maka orang-orang Melayu di Negeri Sembilan sering kali ingin menukar status tanah mereka. Hal ini kerana menjelang awal tahun 1900-an, penanaman getah mulai menampakkan keuntungan menyebabkan ramai orang Melayu tertarik untuk menjual tanah mereka kepada orang asing ataupun memulakan tanaman getah menggantikan tanaman padi. Terdapat beberapa rekod penukaran status tanah ini berlaku seperti permohonan pertukaran status tanah oleh Diah binti Landor dan Ja'maah binti Bruang yang memohon untuk menukar status tanah mereka daripada tanah sawah kepada penanaman getah.⁹

Pertindihan status undang-undang ini berlaku dalam kes Muat bin Sadin bagi tanahnya di Kampung Lubok Cina.¹⁰ Beliau mengatakan bahawa tanahnya itu bukan berstatus tanah adat namun berada dalam lingkungan *Malay reservation* dan berada dalam "lingkungan adat". Hal ini bermakna, tanahnya itu telah ditandakan sebagai *customary land* sedangkan tanahnya bukan dalam kategori tersebut, hal ini terjadi kerana terdapat istilah "lingkungan adat" bagi kawasan tanah beliau. Perkara ini boleh diungkapkan sebagai tanah yang berada dalam kawasan *Malay reservation* tidak semestinya tergolong sebagai tanah adat namun, dalam kawasan *Malay reservation* terdapat kawasan yang dikategorikan sebagai "lingkungan adat". Bagi kes ini, pejabat daerah telah mengarahkan Muat bin Sadin supaya membatalkan status tanah *customary land* dan perlu mendapatkan persetujuan daripada Undang bagi melakukannya.

Beberapa lagi keraguan turut berlaku dalam perlaksanaan CTE di dalam kes Sidik bin Khatib Jadi, dalam hal tanah E.M.R. 880 Lot 1676 Mukim Terachi, terjadi kekeliruan dalam pendaftaran tanah tersebut.¹¹ Tanah ini telah ditandakan sebagai *customary land* sedangkan tanah itu adalah daripada ayahnya dan tidak pernah diwariskan kepada waris perempuan. Hal ini bermakna, tanah tersebut adalah harta carian ayahnya dan beliau berhak untuk mengurniakan tanah tersebut kepada mana-mana anaknya dan mengikut hukum syarak kerana tanah ini bukan tanah adat. Namun, dalam pendaftaran tanah tersebut, pejabat tanah telah menandakannya sebagai *customary land*. Oleh itu Sidik bin Khatib Jadi berhak membatalkan tanda tersebut kerana tanah itu adalah haknya.

PENJUALAN TANAH ADAT

Kes berkaitan penjualan tanah adat berlaku terhadap kes tanah E.M.R. No.447 Lot 889 Pilah.¹² Dalam kes ini Tiamah binti Kalam ingin menjual tanah adatnya kerana ingin membayar hutang kepada chetty sebanyak \$350, nilai tanah ini ialah \$500. Tiamah ingin menjual tanah ini kepada Purah binti Pais. Namun, tanah ini tidak boleh dijual kepada Purah kerana beliau daripada suku yang berlainan. Mengikut peraturan adat, tanah hanya boleh dijual kepada ahli dalam suku sahaja dan tidak boleh dijual kepada anggota suku lain melainkan mendapat persetujuan daripada ahli waris (Sheehan dan Abdul Azizi, 1936). Mengikut peraturan adat, pemilik tanah pusaka tidak boleh menjual atau menggadaikan tanahnya kerana perkara-perkara yang negatif seperti mahu membayar hutang, perlakuan maksiat, minum arak, berjudi, berzina dan sebagainya. Oleh itu, tanah milik Tiamah ingin dijual ke arah perkara yang negatif dan dijual kepada suku lain. Perkara ini telah berlawanan daripada peraturan adat yang ditetapkan. Berdasarkan fail kes ini undang-undang CTE nampak sealiran dengan peraturan adat yang sebenar.

TUNTUTAN TANAH

Kes tuntutan ke atas tanah turut berlaku dalam perlaksanaan CTE di Negeri Sembilan. Salah satu kes yang menarik untuk diteliti ialah kes Baimah binti Samin melawan Beah binti Talib yang berlaku pada tahun 1929.¹³ Isu di dalam kes ini ialah berkaitan tanah adat kepunyaan Baimah binti Samin. Berdasarkan keterangan pihak Baimah, beliau tidak mempunyai anak dan telah membuat keputusan untuk mengambil anak angkat. Beliau telah mengambil Beah binti Talib sebagai anak angkat yang merupakan anak saudaranya. Baimah telah mengahwinkan Beah dan memberikan tanah E.M.R. 1137 Legong Hilir. Beliau telah tinggal bersama Beah namun beberapa tahun kemudian, Beah telah bertindak mengusir Baimah dari rumahnya dan juga ingin menjual tanah tanpa persetujuan ibu angkatnya. Baimah menentang hasrat Beah kerana tanah itu

miliknya dan mahukan kembali tanah tersebut kerana dibeli menggunakan duitnya sendiri. Baimah memberikan duitnya kepada Beah untuk membeli tanah tersebut.

Masalah ini telah menjadi isu ke atas pemilikan tanah tersebut. Hal ini kerana penafian yang dilakukan oleh Beah. Beliau mengatakan sememangnya beliau adalah anak angkat kepada Baimah, namun tanah E.M.R. 1137 dibeli menggunakan duitnya sendiri yang diberikan oleh suaminya dan beliau tidak meminjam duit dengan sesiapa pun termasuk Baimah. Beliau membayar \$40 untuk membeli tanah ini dan suaminya yang membuka tanah tersebut. Saksi lain seperti adik kepada Beah iaitu Pisah binti Talib, mengatakan beliau tahu dan nampak Baimah yang juga ibu saudaranya memberikan duit kepada Beah sebanyak \$35 untuk membeli tanah tersebut. Beah dan suaminya mengerjakan tanah tersebut sedikit selepas membelinya. Menurut Sialang bin Amin yang merupakan pemilik asal tanah ini, Baimah inginkan tanah tersebut untuk diberikan kepada anak angkatnya. Sialang bersetuju menjual tanah tersebut kepada Baimah dan meletakkan nama Beah ke atas tanah tersebut sebagaimana permintaan Baimah. Baimah ialah kakaknya dan Beah serta Pisah ialah anak saudaranya. Baimah mendapat wang untuk membeli tanah ini hasil jualan tanahnya yang lain.

Penerangan dan pertikaian daripada kedua-dua pihak telah menjadi isu berbangkit di dalam kes ini. Berdasarkan peraturan adat, tanah ini digolongkan sebagai tanah pemberian dan bukannya tanah pusaka kerana Beah bukan anak kandung Baimah. Menurut Lembaga suku kepada Baimah dan Beah iaitu Dato Merbangsa Kamar, jika tanah ini adalah pembelian dari wang Baimah, tanah ini adalah pemberian walaupun Beah telah berkahwin. Tanah ini tidak akan dikategorikan sebagai tanah carian laki bini, walaupun suaminya yang membuka tanah tersebut. Tidak dinyatakan penyelesaian bagi kes ini, namun pengkaji berpendapat bahawa tanah tersebut sukar dijual oleh Beah kerana Baimah mempunyai keterangan dan saksi yang kukuh menyokongnya. Keterangan Beah ternyata berbeza dengan saksi-saksi lain yang memungkinkan tanah ini dikembalikan kepada Baimah.

PERWARISAN TANAH ADAT

Terdapat beberapa kes yang berkaitan tuntutan tanah yang melibatkan anggota suku kaum lelaki, kebanyakan kes ini melibatkan tuntutan perwarisan tanah yang tidak mempunyai waris perempuan. Di antara kes tuntutan tanah ini ialah anak-anak lelaki Nayam binti Satin.¹⁴ Nayam meninggal dunia dan Lembaga suku telah menetapkan tanah itu diwariskan kepada adik Nayam iaitu Ghamih yang turut meninggal dunia tidak lama kemudian. Ekoran daripada itu, anak-anak Nayam yang semuanya lelaki ingin menuntut tanah itu kembali kerana bimbang tanah itu akan diwariskan kepada anak Ghamih. Kes lain melibatkan Jaya dan adik-beradik

lelakinya yang ingin menuntut tanah estet arwah ibunya yang diwariskan kepada saudara perempuan arwah. Permohonan Jaya dan lain-lain ditolak oleh pihak pejabat tanah kerana jelas bertentangan dengan undang-undang adat. Daripada dua kes tersebut, persamaan yang jelas ialah pewaris lelaki di dalam keluarga ini telah menuntut tanah tersebut kerana tidak mahu tanah itu jatuh kepada saudara perempuan waris yang lain. Namun peruntukan CTE dan Adat Perpatih seiring dalam kes ini dengan tidak membenarkan tanah adat diwariskan kepada waris lelaki.

KESAN PERLAKSANAAN CTE KEPADA MASYARAKAT ADAT

Berdasarkan kes-kes yang dirujuk, telah dibahagikan kepada dua kesan utama yang berlaku dalam institusi adat masyarakat Adat Perpatih:

1. Undang-undang Kolonial British bertambah kukuh dan bebanan cukai
2. Kelonggaran pegangan anggota adat terhadap Adat Perpatih

Undang-undang Kolonial British Bertambah Kukuh dan Bebanan Cukai

Kewujudan CTE telah menjerumuskan undang-undang tanah Adat Perpatih ke dalam bentuk yang lebih berkepentingan kepada British dengan wujudnya suatu sebutan peraturan yang lebih tersusun dan bersistem. Walaupun undang-undang adat telah mempunyai aturannya tersendiri, namun ia seakan-akan kurang membantu bagi British menguruskan hal ehwal tanah adat di negeri ini. Telah wujudnya undang-undang Adat Perpatih seperti Adat Kuala Pilah dan juga Aturan Sungai Ujong yang menjelaskan peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat adat dalam menjalani kehidupan seharian mereka (Sheehan dan Abdul Aziz, 1936; Winstedt dan De Josselin, 1954).

Permasalahan berkaitan cukai dalam kalangan orang Melayu agak membimbangkan pihak British kerana ramai yang gagal menjelaskan bayaran cukai mengikut kadar yang telah ditetapkan.¹⁵ Misalnya di kawasan Rembau (semasa zaman kolonial, Rembau di bawah pentadbiran daerah Tampin). Pegawai daerah Tampin telah mengatakan ramai orang kampung di situ gagal menjelaskan cukai walaupun baginya dalam kadar yang berpatutan. Daerah Tampin pada tahun 1912 sahaja telah kerugian \$3000 hingga \$4000 akibat kekurangan bayaran cukai tanah orang Melayu.¹⁶ Kadar untuk penanaman padi di Rembau ialah 80 sen seekar. Menurut pegawai daerah Tampin bayaran ini tidak membebankan, namun bagi tanah yang mempunyai tanaman getah bayaran \$1.20 hingga \$2.00 adalah terlalu membebankan orang Melayu. Hal yang sama turut berlaku di daerah-daerah lain seperti Kuala Pilah dan Jelebu.¹⁷ Oleh itu, cadangan kadar cukai yang sesuai dikenal pasti oleh pihak British bagi mencari penyelesaian pembayaran cukai dalam kalangan orang Melayu.

Kelonggaran Pegangan Masyarakat Adat Terhadap Adat Perpatih

Kelonggaran pegangan bermaksud masyarakat Adat Perpatih mulai tidak mementingkan peraturan adat itu sendiri namun lebih terdedah dengan undang-undang ala kolonial. Daripada kes-kes yang telah dijelaskan, dalam tempoh masa penghujung tahun 1930-an pemerintahan British telah mulai mendatangkan perubahan dari segi pemikiran masyarakat adat dalam hak milik tanah adat. Pengenalan CTE telah berjaya mengubah konsep pemilikan tanah adat secara hak milik suku kepada lebih berbentuk individu. Pengurusan tanah ini bukan sahaja memudahkan British dalam hal ehwal urusan cukai malah memudahkan lagi proses pemilikan tanah adat. Dalam kes-kes yang telah disebutkan, tidak terdapat kepentingan untuk menjual tanah berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Adat Perpatih. Kepentingan tanah adat sebagai pemilikan tetap anggota suku mulai longgar dan tidak penting bagi anggotanya setelah bertembung dengan undang-undang kolonial. Kelonggaran pembatalan tanda *customary land* ini telah memudahkan jualan tanah kepada individu lain malahan kepada bangsa asing. Tiada rekod di dalam kes ini yang mempunyai tentangan daripada waris yang lain di dalam suku. Kelonggaran ini berlaku kerana pemilikan tanah sesama suku hampir hilang setelah CTE ini dikuatkuasakan.

Kes yang melibatkan keputusan individu dan membelakangkan semangat sesama suku juga telah mula meresap dan menjadi kebiasaan bagi masyarakat Adat Perpatih generasi zaman kolonial. Jika dirujuk dalam peraturan Adat Kuala Pilah, (Sheehan dan Abdul Aziz, 1936) tanah adat hanya boleh dijual atau digadai jika memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu:

1. Keperluan untuk menguruskan kematian.
2. Keperluan untuk menunaikan haji di Mekah.
3. Keperluan untuk menjaga maruah, seperti memperbaiki rumah pusaka yang telah runtuh dan menguruskan perkahwinan anak perempuan yang telah lanjut umur.
4. Keperluan membayar denda bagi kesalahan membunuh oleh waris lelaki.

Syarat-syarat tersebut tidak memberikan kebenaran secara mudah. Ia mestilah mendapat persetujuan waris-waris dan ketua-ketua adat. Setelah mendapat persetujuan daripada mereka yang berkepentingan, barulah tanah adat boleh dijual mengikut tatacara tertentu. Bagi kes penjualan tanah adat yang telah dibincangkan, tidak terdapat keperluan yang kukuh bagi menjual tanah tersebut mengikut peruntukan Adat Perpatih, namun pelaksanaan CTE tidak menghalang penjualan tanah ini secara serius dan boleh dibatalkan dengan pembatalan tanda *customary land*.

Jika dinilai dari sudut tempoh masa yang panjang dalam pelaksanaan CTE, sememangnya tidak dinafikan perubahan yang akan berlaku dalam kalangan masyarakat yang secara langsung mengalaminya. Walaupun telah jelas

undang-undang Adat Perpatih tidak membenarkan penjualan tanah adat bagi kepentingan individu, kekuatan kerajaan yang memerintah dan undang-undang yang digubal telah menyusutkan pengaruh Adat Perpatih itu sendiri. Dengan pembatalan tanda *customary land* sahaja, tanah adat mudah dijual dan bertukar milik. Selain itu, jika dinilai daripada semangat sesama suku yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih, pemilikan tanah secara bersama dan diusahakan bersama dipercayai mulai hilang kerana terdapatnya sistem geran yang lebih ke arah berkepentingan individu. Hal ini bertentangan dengan nilai perpaduan yang diasaskan dalam norma kehidupan masyarakat adat iaitu hukum adat diwujudkan adalah bertujuan untuk mengekalkan keharmonian. Kekuatan Adat Perpatih adalah pada perpaduan yang wujud dalam kalangan ahli-ahlinya. Setiap individu dalam masyarakat Adat Perpatih mestilah mementingkan perpaduan ke arah bersatu itu teguh dan bercerai mereka roboh (Norazit, 1995: 125). Walaupun perpaduan secara kerukunan hidup tidak terjejas, namun semangat sesama suku dari segi kerjasama melaksanakan hasil tanah itu sedikit demi sedikit akan luntur dan salah satu nilai kerjasama di dalam Adat Perpatih akan hilang.

KESIMPULAN

Penguasaan British ke atas tanah di Negeri Sembilan telah memberi kesan secara langsung kepada undang-undang tanah adat. Perkembangan ini memperlihatkan ketahanan Adat Perpatih dalam menempuh undang-undang baru dari pihak British. British hadir dengan idea yang lebih segar dan moden, oleh itu undang-undang adat ini telah diselaraskan dengan keadaan semasa. Perkara ini bagi memastikan British boleh melicinkan sistem pentadbirannya dan ekonomi negeri dapat diurus dengan lebih berkesan. Bagi masyarakat Adat Perpatih, perubahan ini pastinya telah mencabuli konsep asal adat yang mementingkan permuafakatan, namun penguasaan penuh British dalam pentadbiran tidak membolehkan mereka berbuat apa-apa melainkan akur dan mengikuti undang-undang yang telah disediakan. Masyarakat adat itu sendiri mulai longgar amalan mereka dalam adat setelah undang-undang yang disusun oleh pentadbir kolonial dilihat lebih dominan. Pengkaji tidak mengatakan Adat Perpatih lemah ataupun undang-undang kolonial itu sangat berkesan penggunaannya. Apa yang ingin disampaikan ialah setiap perubahan yang ingin dilakukan memerlukan tempoh masa yang panjang untuk direalisasikan. Dalam keadaan di Negeri Sembilan, pegangan Adat Perpatih yang kukuh telah menyebabkan adat ini menjadi suatu perkara yang dominan dalam masyarakatnya. Namun, "orang asing" dari barat yang mempunyai budaya dan pegangan yang berbeza hadir merubah sedikit demi sedikit dan penduduk tempatan terutamanya para pemimpin seakan-akan merestuinnya dan mengakui bahawa orang barat lebih sesuai mentadbir negeri ini. Hal ini boleh dijadikan iktibar di mana setiap masyarakat dari golongan pemimpin hingga kepada rakyat perlulah yakin dengan budaya serta amalan yang

dipegang selama ini dan tidak boleh diganggu gugat oleh bangsa asing yang membawa budaya mereka kerana telah jelas identiti bangsa itu sedikit demi sedikit mula terhakis dan permata adat itu mulai hilang.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (FRGS/1/2011/SSI/UKM/01/4 UKM).

NOTA

1. Lihat Swettenham, F., *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya* (London: George Allen and Unwin LTD, 1948), 273. Dua negeri, Perak dan Selangor merupakan negeri yang sangat kaya. Negeri Sembilan mempunyai masalah kewangan manakala Pahang merupakan negeri yang sangat miskin. Melalui persekutuan, negeri yang kaya boleh membantu negeri yang miskin. Negeri yang kaya pula menganggap situasi ini merupakan peluang yang besar bagi mereka menambah kekayaan negeri.
2. Nadzan Haron, *Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat 1800–1960* (Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan, 1997), 43. Penghulu mukim ialah jawatan bergaji yang dilantik oleh pegawai daerah. Ketua kampung juga dilantik oleh pegawai daerah tetapi tidak bergaji, hanya diberi elaun sebagai sugu hati.
3. N.S. SECRETARIAT 2099/1938, application from Meriam bt. Ibrahim for cancellation of the words "customary land" Anak Aceh Orang Kaya Kechil on E.M.R. 4347, Sri Menanti.
4. Lihat Norhalim Hj. Ibrahim, *Glosari Adat Negeri Sembilan* (Shah Alam: AFY Communications, 2003), 120. Satu daripada dua jenis atau kategori adat berkadim. Dalam kadim jenis ini, anak yang dikadimkan boleh mewarisi harta pusaka ibu angkat kadimnya. Selalunya anak perempuan yang dikadimkan dalam kategori ini kerana perempuan yang mengambil anak angkat itu tidak mempunyai anak perempuan untuk meneruskan keturunannya.
5. N.S. SEC. GENERAL 1905/1929, cancellation of the words "customary land" endorsed on E.M.R. 2596, Terachi.
6. N.S. SEC. GENERAL 1929/1929, cancellation of the words "customary land" endorsed on E.M.R. 2499, Terachi.
7. Lihat N.S. 827/1940, applies for cancellation of the words "customary land" endorsed on E.M.R. 1563, Mukim of Ampang Tinggi; N.S. SECRETARIAT 59/1940, Applies for cancellation of the words "customary land" endorsed an E.M.R. 1644 Mukim of Terachi; N.S. 827/1940, Applies for cancellation of the words "customary land" endorsed on E.M.R. 1536, Mukim of Ampang Tinggi.
8. N.S. SEC. GENERAL 462/1935, applies for excision from the Malay Reservation and removal of the inscription "customary land" of E.M.R. 896 Pilah to enable her to sell it to Government or others.

9. Lihat N.S. 880-1926, application from Diah binti Landor for change of condition of E.M.R. 1921, Juasseh Mukim, from padi to rubber; N.S. 883-1926, Application from Ja'amah binti Bruang for change of condition of E.M.R. 1622, Ulu Jempol; N.S. 881-1926, Change of condition of E.M.R. Nos.: 1621 and 1860 from sawah to rubber – Ulu Jempol Mukim.
10. N.S. SEC. GENERAL 443/1930, Lubok China Village.
11. N.S. SECRETARIAT 2185/1939, applies for femoval of the words "customay land" from his title E.M.R. 880, Mukim of Terachi.
12. N.S. SECRETARIAT 2113/1939, appeal against the decision of the C.L.R. Kuala Pilah in customary land case no. 20/39 by Puasah Binti Sundang.
13. N.S. SEC. GENERAL 1908/1929, land case no. 46/29 appeal against decision of collector from Bainah binti Samin.
14. MISC: 842-1922, claim certain prospect lately held by their aunt, deceased.
15. NEGERI SEMBILAN 3233-1912, suggest that customary land actually occupied by Malay homesteads should be charge rent at 3.00 class rates. Asks whether the suggestion is feasible and effect it would have on the rent roll of the district.
16. NEGERI SEMBILAN 3233-1912, suggest that customary land actually occupied by Malay homesteads should be charge rent at 3.00 class rates. Asks whether the suggestion is feasible and effect it would have on the rent roll of the district.
17. NEGERI SEMBILAN 3233-1912, suggest that customary land actually occupied by Malay homesteads should be charge rent at 3.00 class rates. Asks whether the suggestion is feasible and effect it would have on the rent roll of the district.

LAMPIRAN

Jadual 2: Masalah tanah adat tahun 1921–1940

Bil.	Nama pemilik	Tahun	Daerah	Masalah
1.	Tarok binti Pandar	1921	N/A	Perwarisan tanah adat yang tiada waris perempuan.
2.	Nayam bt Satin	1922	N/A	Nayam binti Satin meninggal dunia dan Lembaga suku telah menetapkan tanah itu diwariskan kepada adik Nayam iaitu Ghamih yang turut meninggal dunia. Ekoran daripada itu anak-anak Nayam yang semuanya lelaki ingin menuntut tanah itu kembali kerana bimbang tanah itu akan diwariskan kepada anak Ghamih dan tanah itu juga bukan tergolong sebagai tanah adat.
3.	Haji Daud bin H. Tunjil	1925	Kuala Pilah	Penjualan tanah kepada Minah binti Ali.
4.	Samsiah binti Serul	1928	Tampin	Pemindahan pemilikan tanah adat milik arwah Samsiah kepada suaminya.
5.	Baimah binti Samin	1929	Tampin	Tuntutan tanah oleh Baimah terhadap tanah milik anak angkatnya iaitu Beah.
6.	Aroh binti Siama Raja dan Maasih bin Gobeh	1929	Kuala Pilah	Membatalkan cop <i>customary land</i> di dalam geran kerana terdapat kesilapan pendaftaran tahun 1919.
7.	Hussin bin Haji Taib	1929	Kuala Pilah	Membatalkan cop <i>customary land</i> di dalam geran tanah kerana kesilapan pendaftaran tanah tahun 1910.
8.	Muat bin Sadin	1930	Tampin	Pertembungan <i>Malay Reservation Enactment</i> dengan CTE. Pembatalan cop <i>customary land</i> di dalam tanah yang berada dalam <i>Malay reservation</i> .

(bersambung)

Jadual 2 (sambungan)

Bil.	Nama pemilik	Tahun	Daerah	Masalah
9.	Jaya bin Nawau (pemohon)	1931	Kuala Pilah	Jaya dan adik-beradik lelakinya yang lain ingin menuntut tanah estet arwah ibunya yang diwariskan kepada saudara perempuan arwah kerana tanah adat tidak boleh diwariskan kepada lelaki. Permohonan Jaya dan lain-lain ditolak.
10.	Jeyah binti Awang	1932	N/A	Permohonan daripada Ganda binti Awang untuk menuntut tanah milik kakaknya Jeyah kerana Jeyah telah menjual tanah adatnya tanpa persetujuan Ganda.
11.	Kembang binti Haji Rapal	1935	Kuala Pilah	Membatalkan cop <i>customary land</i> untuk memudahkan tanah adatnya dijual kerana tanah itu tidak mendatangkan hasil dan dibebani bayaran cukai. Memohon untuk menjual kepada sesiapa termasuk bukan Melayu dan hasil jualan akan digunakan untuk membeli tanah yang lain.
12.	Peti bt Siana	1935	N/A	Tuntutan tanah oleh Rimbun terhadap tanah milik adiknya Peti bt Siana, namun tidak layak kerana tanah itu diwarisi anak Peti iaitu Petot.
13.	Meriam bt. Ibrahim	1938	Kuala Pilah	Membatalkan cop <i>customary land</i> kerana tanahnya bukan tanah adat.
14.	Baeyah binti Dekan	1939	Kuala Pilah	Permasalahan tanah adat. Tanahnya tidak didaftarkan sebagai tanah adat, maka tiada masalah untuk dijual.
15.	Puasah binti Sundang	1939	Kuala Pilah	Tiamah anak kepada Puasah ingin menjual tanah adat ibunya kepada Purah binti Pais dari suku yang lain untuk membayar hutang chetty. Tanah adat tidak boleh dijual kepada suku lain melainkan mendapat persetujuan waris.

(bersambung)

Jadual 2 (*sambungan*)

Bil.	Nama pemilik	Tahun	Daerah	Masalah
16.	Sidik bin Khatib Jadi	1939	Kuala Pilah	Pejabat tanah telah melabelkan tanahnya <i>customary land</i> suku Biduanda sedangkan dia suku Tanah Datar. Ingin membatalkan <i>customary land</i> kerana tanah ini daripada ayahnya dan tidak pernah diwarisi oleh waris perempuan, maka tanah ini bukan tanah adat.
17.	N/A	1940	Kuala Pilah	Membatalkan cop <i>customary land</i> .
18.	Omek binti Maaleh	1940	Kuala Pilah	Masalah tanah adat.
19.	N/A	1940	Kuala Pilah	Membatalkan cop <i>customary land</i> .
20.	N/A	1940	Kuala Pilah	Membatalkan cop <i>customary land</i> di dalam geran.

Sumber: Disesuaikan daripada fail-fail kolonial seperti N.S.; N.S. SECRETARIAT; N.S. SEC. GENERAL

RUJUKAN

Sumber Primer

Arkib Negara Malaysia

MISC: 842-1922, claim certain prospect lately held by their aunt, deceased.

NEGERI SEMBILAN 3233-1912, suggest that customary land actually occupied by Malay homesteads should be charge rent at 3.00 class rates. Asks whether the suggestion is feasible and effect it would have on the rent roll of the district.

N.S. 827/1940, applies for cancellation of the words "customary land" endorsed on E.M.R. 1563, Mukim of Ampang Tinggi.

N.S. 827/1940, applies for cancellation of the words "customary land" endorsed on E.M.R. 1536, Mukim of Ampang Tinggi.

N.S. 880-1926, application from Diah binti Landor for change of condition of E.M.R. 1921, Juasseh Mukim, from padi to rubber.

N.S. 883-1926, application from Ja'amah binti Bruang for change of condition of E.M.R. 1622, Ulu Jempol.

N.S. 881-1926, change of condition of E.M.R. nos: 1621 and 1860 from sawah to rubber – Ulu Jempol Mukim.

- N.S. 2531-1925, complains against Haji Daud bin H. Tunjil for sale of a piece of land in Talang Mukim to Minah binti Ali.
- N.S. 7421/1940, appeal by Omek binti Maaleh against the decision of the customary land tenure Kuala Pilah in Kuala Pilah case no. 219/39.
- N.S. SECRETARIAT 2099/1938, application from Meriam bt. Ibrahim for cancellation of the words "customary land" Anak Acheh Orang Kaya Kechil on E.M.R. 4347, Sri Menanti.
- N.S. SECRETARIAT 59/1940, applies for cancellation of the words "customary land" endorsed an E.M.R. 1644 Mukim of Terachi.
- N.S. SECRETARIAT 2112/1939, appeal against the decision of the C.L.R, Kuala Pilah in customary land case no. 38/39 by Baeyah binti Dekan and 2 others.
- N.S. SECRETARIAT 2113/1939, appeal against the decision of the C.L.R. Kuala Pilah in customary land case no. 20/39 by Puasah binti Sundang.
- N.S. SECRETARIAT 2185/1939, applies for femoval of the words "customary land" from his title E.M.R. 880, Mukim of Terachi.
- N.S. SEC. 2426/1928, customary land left by Samsiah binti Serul, deceased. Execution of small decree without taking letters of administration.
- N.S. SEC. 2418/1921. Division of the proceeds of sale of E.M.R. 469, 470, 471 and 472. Asks that the children of Tarok binti Pandar be given a share.
- N.S. SEC. GENERAL 1905/1929, cancellation of the words "customary land" endorsed on E.M.R. 2596, Terachi.
- N.S. SEC. GENERAL 1929/1929, cancellation of the words "customary land" endorsed on E.M.R. 2499, Terachi.
- N.S. SEC. GENERAL 462/1935, applies for excision from the Malay Reservation and removal of the inscription "customary land" of E.M.R. 896 Pilah to enable her to sell it to Government or others.
- N.S. SEC. GENERAL 1908/1929, land case no. 46/29 appeal against decision of collector from Bainah binti Samin.
- N.S. SEC. GENERAL 443/1930, Lubok China Village.
- N.S. SEC. GENERAL 679/1935, appeal by Rimbun bt Siana against the order of the collector under the Customary Tenure Enactment, 1926.
- N.S. SEC. GENERAL 1425/1932, application from Ganda binti Awang for ammulement of.
- N.S. SEC. GENERAL 615/1931. Land case no. 253.30. Appeal against the decision of the collection, Kuala Pilah in Land case no. 2533.30 by Jaya bin Nawau and others.

Sumber Sekunder

- Abdul Rahman Hj. Mohammad. 1964. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Gullick, J. M. Captain Speedy of Larut. *JMBRAS* 26(Part 3): 1–103.

- Hooker, M. B. 1972a. *Adat laws in modern Malaya, land tenure, traditional government and religion*. Oxford: Oxford University Press.
- _____. 1972b. The early adat constitution of Negri Sembilan (1773–1824). *JMBRAS* 44(Part 1): 104–116.
- Lim, T. G. 1976. *Origins of a colonial economy: Land and agriculture in Perak 1874–1897*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Maxwell, W. E. 1894. Memorandum on the introduction of land code in the native states in the Malaya Peninsula. n.p.
- Norazit Selat. 1995. Norma hidup Adat Perpatih. In *Kebudayaan Melayu di ambang abad baru: Satu himpunan makalah*, eds. Hanapi Dollah and Lokman Mohd. Zen. Bangi, Selangor: Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 2003. *Glosari adat Negeri Sembilan*. Shah Alam, Selangor: AFY Comuncations.
- _____. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan persamaannya dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nadzan Haron. 1997. *Pemilikan dan pentadbiran tanah adat 1800–1960*. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan.
- _____. 1992. Perlaksanaan undang-undang adat dalam sistem pentadbiran tanah di Negeri Sembilan. *Jebat* 20: 43–55.
- Sheehan J. J. and Abdul Aziz bin Khamis. 1936. Adat Kuala Pilah. *JMBRAS* 14(Part 3): 190–225.
- Swettenham, F. 1948. *British Malaya: An account of the origin and progress of British influence in Malaya*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Taylor, E. N. 1948. Inheritance in Negeri Sembilan. *JMBRAS* 21(Part 2): 41–129.
- Wilkinson, R. J. 1971. *Papers on Malay subject*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R. O. and De Josselin de Jong. 1954. A digest of customary law from Sungai Ujong. *JMBRAS* 27(Part 3): 5–39.
- Wong, D. S. Y. 1975. *Tenure and land dealings in the Malay States*. Singapore: Singapore Press.